

Paip pecah punca runtuh

BH 11/10/2006

Air bertakung di bahagian bawah cerun dekat dua blok rumah pangsa

Oleh Norfatimah Ahmad dan Masrina Mohd Yunos

KUALA LUMPUR: Aliran air aki-bat paip bawah tanah yang pecah dipercayai antara punca tanah runtuh bersebelahan dua blok rumah pangsa kos rendah Seksyen 10 Wangsa Maju, di sini kelmarin.

Bagaimanapun, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata ia berdasarkan pemerhatian awal tetapi belum disahkan Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram).

"Kita tidak pasti sama ada paip itu pecah sebelum atau selepas tanah runtuh tetapi berdasarkan mata kasar memang ada aliran air di kawasan itu. Bagaimanapun, kita percayai hujan lebat bukan punca kejadian," katanya ketika ditemui di tempat kejadian semalam.

Dalam kejadian jam 7.10 malam kelmarin, lebih 700 penghuni empat blok rumah pangsa terbabit dipindahkan serta merta selepas berlaku tanah runtuh sedalam kira-kira enam meter, menyebabkan kawasan pembuangan sampah serta bahagian tepi sebuah rumah runtuh.

Penduduk dipindahkan ke Dewan Serba Guna Seksyen 10 dan Madrasah Nurul Huda berhampiran kawasan berkenaan.

Azmi juga berkata, tempoh dua bulan diberikan kepada Ikram untuk menjalankan kajian terperinci termasuk Laporan Kesan Alam Sekitar (EIA) dan Laporan Geoteknik.

Ditanya mengenai projek pembinaan lebuhraya di kawasan berdekatan, be-

liau berkata, tidak ada kerja penanaman cerucuk yang boleh menyebabkan berlaku gegaran di kawasan perumahan itu.

"Setakat ini, projek pembinaan lebuhraya tidak dihentikan kerana tidak menjejaskan struktur tanah kawasan itu dan pemaju hanya menjalankan kerja meratakan jalan," katanya.

Ketika ini Jabatan Kerja Raya (JKR) masih mengkaji struktur tanah sekitar Bukit Antarabangsa bagi membantu kerajaan Selangor dan pihak berkuasa tempatan merancang pembangunan di kawasan berkenaan.

Selain itu, Azmi berkata, kajian bagi kawasan tanah tinggi kurang 300 meter dengan tahap kecuraman lebih 15 darjah juga sedang dijalankan untuk keselamatan semua pihak.

Sementara itu, Pegawai Penyelidik Pusat Penyelidikan Tanah Runtuh Negara (NASEC) Universiti Teknologi Mara (UiTM), Mohd Shafee Harun, berkata, pemerhatian rambang mendapati kejadian itu lebih mirip kepada mendapan, bukannya tanah runtuh kerana ada takungan air di bahagian bawah cerun.

"Takungan air boleh menyebabkan mendapan, lebih-lebih lagi ada aliran anak sungai di kawasan berhampiran," katanya.

Beliau berkata, bacaan tolok hujan di Empangan Klang Gate menunjukkan 127 milimeter air dikumpulkan sepanjang seminggu lalu.

Katanya, berdasarkan pengalaman, pergerakan struktur tanah di negara ini boleh berlaku walaupun bacaan tolok hujan mencatatkan 40 milimeter.



LANGKAH KESELAMATAN: Beberapa pekerja menutup bahagian yang runtuh dengan lapisan plastik.